

Industri Pelancongan Islam Di Negeri Kelantan: Sejauhmana Nilai Islam diterapkan dalam industri Tersebut dan perencanaan untuk menarik pelancong ke negeri ini.

Nik Yusnita binti Nik Ahmed¹, Dato Prof Dr Anwar Omar Din²

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, ²Universiti Sultan Zainal Abidin

Kata kunci: Pelancongan Islam, Kelantan, tarikan pelancong

Abstrak. Pelancongan merupakan salah sebuah sektor industri paling penting dalam sesebuah negara kerana ia membawa manfaat seperti perolehan pendapatan, tukaran mata wang asing, menyediakan peluang pekerjaan, membuka peluang perniagaan dan memajukan kawasan yang tidak mempunyai sumber ekonomi konvensional. Pelancongan islam merupakan sebuah pelancongan yang baru diwujudkan di Malaysia dan di dunia amnya. Pelancongan ini telah dipkenalkan secara meluas di seluruh negara Malaysia termasuk di Kelantan yang mana sudah terkenal dengan negeri ‘Serambi Mekah’. Perkara ini dapat menarik dengan lebih ramai pelancong islam dari luar negara untuk datang ke Kelantan, sekaligus dapat meningkatkan jumlah kedatangan pelancong asing ke Kelantan. Hal ini juga bersesuaian dengan pengisytiharan Kota Bharu sebagai sebuah bandaraya Islam pada tahun 2012 dengan slogan yang diberikan oleh Menteri Besar Kelantan pada ketika itu, Dato Nik Aziz bin Nik Mat. Melalui kajian dan temubual dengan mereka yang terlibat dalam industri pelancongan di kelantan menyifatkan pelbagai inisiatif dan program-program yang bercirikan islamik telah di jadualkan sepanjang tahun untuk bertujuan menarik minat pelancong islam khususnya datang ke Kelantan. Oleh yang demikian, perkara yang dijalankan tersebut telah memberikan impak yang positif kepada industri pelancongan negeri Kelantan apabila setiap tahun kedatangan pelancong sentiasa menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Namun begitu, kedatangan pelancong yang bukan beragama islam sentiasa di alu-alukan dan tiada larangan seperti yang termaktub kepada mereka yang beragama islam.

Pengenalan

Menurut kamus dewan perkataan pelancong berasal daripada perkataan ‘lancong’ yang bermaksud melawat sambil melihat-lihat. Webster's International Dictionary mentakrifkan pelancongan sebagai suatu perjalanan oleh seseorang dan akan pulang ke titik permulaannya, suatu lawatan pusingan yang biasanya mempunyai tujuan perniagaan, bersenang-senang atau mengikuti pelajaran dan selama perjalanan itu, berbagai tempat dilawat .

Pelancongan merupakan salah sebuah sektor industri paling penting dalam sesebuah negara kerana ia membawa manfaat seperti perolehan pendapatan, tukaran mata wang asing, menyediakan peluang pekerjaan, membuka peluang perniagaan dan memajukan kawasan yang tidak mempunyai sumber ekonomi konvensional. Untuk memastikan sektor pelancongan dapat membangunkan sesebuah ekonomi negara, perlulah memastikan segala dasar dan strategi yang dibuat mengikut perancangan dan kajian yang lebih teliti. Berdasarkan pembentangan Rancangan Malaysia ke- 10 oleh Perdana Menteri, sektor pelancongan dikenal pasti sebagai satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara yang berpotensi tinggi dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Menjelang tahun 2015, sektor pelancongan Malaysia disasarkan untuk menjadi sepuluh negara teratas dari segi pendapatan pelancongan global. Sumbangan sebanyak 2.1 kali ganda atau RM115 billion daripada pendapatan sektor pelancongan negara seterusnya menyediakan dua juta peluang pekerjaan kepada rakyat. Pelancongan merupakan sebuah sektor yang semakin kompetitif. Ia bukan sahaja dianggap penting oleh Malaysia, tetapi dianggap penting bagi negara-negara serantau. Hal ini memberi kesan secara langsung kerana memberi saingan kepada Malaysia untuk kekal sebagai sebuah destinasi unggul di rantau Asia. Sejak dari 1960-an lagi sektor pelancongan di Malaysia lebih memberi tumpuan kepada pelancongan antarabangsa. (Badaruddin, 2010)

Pelancongan di dalam islam memerlukan garis panduan seperti yang telah termaktub di dalam al-quran, kerana ianya juga merupakan ibadah dan mendapat nilai di sisi Allah s.w.t asalkan mempunyai niat yang baik dan pelu mengelakkan melakukan perkara yang dilarang. Pelancongan Islam juga mempunyai karekteristik tersendiri iaitu fleksibel, rasional, mudah dan seimbang. Pelancongan dalam islam ialah melakukan aktiviti ini secara sengaja demi mncari keredhaan Allah denga melihat segala kebesaran ciptaan Allah di merata dunia. Islam juga menggalakkan umatnya untuk mengembara bagi membolehkan mereka menghargai ciptaan Tuhan melalui pemerhatian, mengertakna silaturahim dan menimba ilmu. (Munirah, 2012) konsep pelancongan islam lebih bercirikan ekonomi, budaya dan keagamaan. Dari segi konsep ekonomi pelancongan islam dilihat sebagai medium yang mampu menjalin kerjasama erat diantara institusi dunia, disamping dapat membantu ekonomi sesama umat islam dari sudut pelancongan dan dapat mewujudkan produk pelancongan baru. Manakala, dari sudut budaya pula, pelancongan ini dapat membantu dan memelihara produk warisan islam yang emakin dilupakan disamping dapat mewujudkan produk pelancongan berbentuk budaya yang bicirikan islam. Seterusnya, daripada segi kosep keagamaan ialah, pelancongan ini dilakukan untuk memahami agama islam berasaskan interpretasi dan pemahaman konservatif terhadap islam. (Al-Hamerneh, 2012).

Memastikan sumber-sumber yang terdapat dalam sesebuah negeri perlu dibaik pulih untuk menarik minat pelancong supaya datang ke tempat tersebut. Samada sumber dari alam semulajadi seperti pantai, air terjun dan sebagainya. Manakala, sumber yang bukan semulajadi pula adalah seperti tasik buatan manusia, tempat rekreasi, taman-taman bunga dan lain-lain. Hal ini, perlulah diselenggara dalam keadaan yang baik serta kemudahan seperti tandas dan tempat riadah perlu dijaga dengan begitu rapi.

Pelancongan dan Islam

Pelancongan Islam telah diperkenalkan di seluruh negara secara meluas dan semakin berkembang di Malaysia dengan wujudnya Islamic Tourism Centre (ITC) yang ditubuhkan pada tahun 2009 oleh kerajaan di bawah penyeliaan Kementerian Pelancongan yang bertanggungjawab untuk membangun dan mempromosikan Islam di Malaysia. ITC mendefinisikan pelancongan Islam ialah sebagai apa jua aktiviti, acara, pengalaman, atau kelonggaran yang dijalankan dalam keadaan perjalanan yang patuh dengan ajaran islam, bertujuan untuk mengalami pengalaman cara kehidupan Islam dan mengeksplotasi sejarah, seni, budaya dan warisan Islam. (Munirah, 2012) . pelancongan sangat digalakkan dalam Islam untuk melihat segala kebesaran ciptaan Allah serta mendapat manfaat keseluruhannya. Oleh sebab itu, Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) telah berusaha untuk menjadikan destinasi pelancongan Malaysia merupakan pelancongan Islam yang utama di dunia. Penganjuran program-program yang bercirikan Islam perlu diperbanyakkan dan penyertaan juga perlu meluas dalam peringkat antarabangsa untuk memperkenalkan Malaysia di mata masyarakat luar.

Pelancongan islam telah dilihat sebagai pelancongan baru dan berpotensi untuk diperkembangkan dan semakin mendapat permintaan ramai samada pelancongan domestik ataupun pelancongan antarabangsa. Tahun melawat Kelantan telah dilancarkan pada tahun 2012, ekoran daripada permintaan dan penawaran yang tinggi terhadap sektor pelancongan islam. (Munirah, 2012). Islam sangat menggalakkan umatnya untuk mengembara ke serata dunia andainya berkemampuan untuk melihat dan menghargai alam ciptaan Tuhan. Penjanamman Kota Bharu sebagai bandaraya islam, merupakan satu strategi yang baik untuk memperkenalkan produk pelancongan islam yang akan menarik minat orang-orang islam di seluruh negara untuk melancong di Kelantan, sekaligus menikmati aktiviti-aktiviti yang berkonsepkan islam. Garis panduan pelancongan yang telah disediakan oleh MPKB-BRI yang bertepatan dengan syarak maka, adalah wajar semua pihak terutama masyarakat islam memberi sokongan yang sepenuhnya. (Yusof, 2011)

Konsep ‘Membangun Bersama Islam’ yang telah diperkenalkan oleh mantan Menteri Besar Kelantan menjadi penggerak utama dalam panduan industri pelancongan di Negeri kelantan. Melalui temubual yang dilakukan kepada pegawai promosi pelancongan Kelantan, menegaskan, banyak program yang menarik yang disusun dari awal tahun sehingga ke akhir tahun yang berasaskan kepada islamik dan sambutan daripada pengunjung luar amat menggalakkan. Hal ini merupakan salah satu tarikan pelancongan di negeri ini. Antaranya ialah program minggu yang dilakukan di padang berdekatan dengan Bazar Tok Guru di Kota Bharu akan di adakan ceramah oleh Menteri Besar Kelantan sendiri. Ceramah ini akan diadakan pada setiap hari jumaat pada waktu pagi. Selain itu, terdapat beberapa gerai jualan dibuka kepada pengunjung yang datang sekaligus dapat membantu ekonomi masyarakat setempat. Pengunjung yang datang bukan sahaja daripada negeri Kelantan sendiri tetapi juga, terdapat kedatangan pengunjung daripada negeri –negeri lain yang berdekatan.

Selain itu, pada bulan ramadhan pula, terdapat program yang dijalankan sepanjang sebulan bulan ramadhan yang dikenali sebagai ‘Ihya Ramadhan atau Madinah Ramadhan’ yang berlangsung di perkarangan stadium Kota Bharu. Program ini diwujudkan untuk ‘menghidupkan’ lagi bulan ramadhan ini dan mencipta suasana bulan ramadhan seperi di Mekah dan Madinah. Pengunjung sentiasa memenuhi program ini pada setiap malam selama sebulan. Mereka yang luar daripada Kelantan menyewa hotel yang disediakan dengan harga pakej yang sangat berpatutan dan berdekatan dengan perkarangan stadium tersebut. Namun begitu, inisiatif lain yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) kepada mereka yang tinggal di hotel yang berjauhan daripada stadium, akan disediakan bas secara percuma pergi dan balik. Imam-imam besar daripada negara Arab seperti Mesir, Syiria dan sebagainya diundang khas untuk menjadi imam solat terawih selama sebulan. Hal yang demikian sangat menarik pelancong untuk merasai keadaan tersebut bahkan bukan sahaja daripada negeri negeri dalam Malaysia tetapi juga pelancong daripada negara jiran seperti Indonesia dan Thailand. Seterusnya, untuk menjaga kesucian agama islam, menjaga adab serta menjaga pandangan, salah satu syarat yang dikenakan kepada mereka yang beragama islam mesti menutup aurat dengan sempurna samada lelaki ataupun perempuan. Peniaga yang beragama islam mestilah memakai pakaian yang sopan dan menutup kepala tanpa dilihat seurat rambut bagi perempuan. Manakala, bagi pengunjung yang ingin mengunjungi pusat membeli belah atau tempat tempat khalayak umum, perlu berpakaian sopan dan tidak menjolok mata. Jika hal ini tidak dipatuhi, pihak berkuasa boleh menjalankan tanggungjawab dengan mendenda pengunjung atau peniaga terbabit.

Sumber-sumber Tarikan Pelancongan di Negeri Kelantan

Pelancongan di Kelantan walaupun tidak sepopuler dengan negeri Pantai Timur lain seperti Pahang dan Terengganu yang mempunyai banyak pulau- pulau dan pantai yang cantik, namun ianya lebih popular dengan budaya dan makanan tradisi

rakyat Kelantan yang enak dan disukai oleh semua masyarakat. Tempat membeli belah yang tersohor dan merupakan daya penarik masyarakat luar datang ke Kelantan iaitu kawasan bebas cukai Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor. Tempat ini akan menjadi bualan kepada mereka yang suka membeli belah dan sentiasa di kunjungi ramai pelancong setiap kali musim cuti persekolahan atau cuti perayaan. Walaupun mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk namun, pengunjung tidak pernah bersa serik untuk berkunjung untuk mendapatkan barangan yang murah berbanding dengan tempat mereka. Mengambil masa selama 20-30 minit dari bandar Kota Bharu. Selain itu di bandar Kota Bharu sendiri terdapat pusat membeli belah yang sudah terkenal di seluruh Negeri yang kebanyakannya peniaga ialah wanita iaitu di Pasar Besar Siti Khadijah, Bazar Buluh Kubu, yang ianya terkenal dengan bazar yang menjual batik yang mana Kelantan merupakan Negeri yang popular dengan perusahaan batik. Selain itu, KB Plaza juga menjadi pilihan pengunjung untuk membeli belah, termasuk juga Bazar Tok Guru dan Wakaf Che Yeh yang terletak di pinggir Kota Bharu. Bukit Bunga juga menjadi kegemaran pengunjung dari arah utara untuk ke Pantai Timur.

Selain daripada tempat membeli belah tersebut banyak lagi tarikan pelancong untuk melawat Kelantan. Antaranya, Taman Rekreasi seperti Tasik Pergau, Kolam air panas Tok Bok, Machang, Gua Ikan, Taman Kelip-Kelip Kampung Pulau, Taman Perbandaran Tengku Anis, Taman Air Splash Kota Bharu, dan Taman Negara Kuala Koh. Manakala air Terjun menarik di Kelantan yang sedia dikunjungi seperti Jeram Pasu, Jeram Linang, Lata Rek, Lata Beringin, Air Terjun Kuala Koh dan ir Terjun Gunung Stong. Gunung yang menjadi pilihan pengunjung pula kepada penggemar aktiviti lasak seperti yang terdapat di Kuala Krai iaitu, Gunung Stong, Gunung Ayam, Gunung Noring Timur, Gunung Berangkat, Gunung Chamah dan Gunung Rabong. Selain itu, terdapat beberapa pantai yang menjadi kunjungan pengunjung seperti Pantai Bisikan Bayu, Pantai Chaya Bulan, Pantai Tok Bali, Pantai Irama Bachok, Pantai Seri Tujuh, Pantai Sabak, dan Pantai Geting. Tidak lupa juga kepada penggemar sejarah. Banyak tempat-tempat yang bersejarah terdapat di sekitar Kelantan seperti Muzium Negeri Kelantan, Muzium Perang, Istana Jahar, Istana Batu, Kota Sultan Ismail Petra, Kampung Kraftangan, Gelanggang Seni, Sulok Tok Selehor, Masjid Negeri Al- Muhammadi, Masjid Langgar, Masjid Kampung Laut, Masjid Beijing, Pusat Galeri Tungku Anis dan Makam Tok Kenali.

Kedatangan pelancong di negeri ini semakin bertambah apabila tiba musim cuti persekolahan atau cuti perayaan. Hal ini berlaku kerana ramai pelancong luar masuk ke negeri Kelantan. Begitu juga dengan masyarakat Kelantan sendiri yang keluar mencari destinasi pelancongan apabila tiba musim cuti (Jabatan Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan). Oleh sebab itu, pada masa tersebut, jalan-jalan utama dan jalan ke destinasi menjadi lebih sesak. Oleh sebab itu, laporan pejabat Majlis Daerah Rantau Panjang, gerai penjualan samada penjualan pakaian atau perkara lain sentiasa meningkat saban tahun kerana ingin memenuhi permintaan tetamu yang berkunjung.

Strategi untuk menarik kedatangan pelancong ke Negeri Kelantan.

Hebahan melalui media samada media massa, media cetak mahupun media elektronik sangat diperlukan untuk mempromosikan Kelantan di mata dunia amnya. Promosi ini sangat penting untuk memberitahu masyarakat luar supaya datang ke Kelantan. Hal ini sangat berkesan. Mempromosikan produk baru yang terdapat dalam negeri Kelantan juga sangat penting, seperti lihat contoh Thailand dan Indonesia dilihat terus-terusan m,empromosikan produk baru mereka yang begitu unik dan asli sekali, menggunakan sumber-sumber dalaman, produk-produk pelancongan Kelantan tidak berda di tahap yang sepatutnya. Jelas bahawa tidak terdapat usaha bersepadu ke arah memperkenalkan produk-produk baru yang mencerminkan identiti Kelantan. Akhirnya pengunjung-pengunjung yang datang ke negara ini, samada pelancong tempatan ataupun pelancong antarabangsa di sajikan dengan produk rutin yang yang berada dalam pasaran sejak berpuluh puluh tahun yang lalu. Kebanyakan produk ini berada dalam keadaan yang sama tanpa banyak penambahbaikan khususnya dari sudut persembahan pakej dan juga citarasa.

Promosi tentang kebudayaan yang terdapat di negeri ini perlu diletakkan sekali dalam pakej pelancongan untuk memperkenalkan budaya masyarakat Kelantan kepada masyarakat luar. Sebagai contohnya kementerian pelancongan telah mengadakan promosi kebudayaan bagi menarik pelancong dari Asia Barat seperti di Dubai dan Arab Saudi. Hal ini juga boleh dilakukan di negeri Kelantan. Ini kerana Kelantan mempunyai banyak aktiviti kebudayaan seperti, wayang kulit, dikir barat, Mak Yong, Menora, Kertuk dan banyak lagi.

Seterusnya, penambahbaikan sumber juga merupakan salah satu strategi untuk menarik pelancong ke sesuatu tempat. Keselesaan pengunjung apabila melawat sesuatu kawasan akan menjadikan mereka untuk berkunjung lagi ke tempat berkenaan dan dalam masa yang sama akan mempromosikan kepada kawan-kawan dan saudara mara yang lain. Ini merupakan di panggi salah satu strategi promosi tidak langsung. Kawasan pelancongan juga mesti sentiasa bersih dan diselenggara dengan baik. Petugas-petugas di kawasan pelancongan perlu ditambah bagi memastikan kebersihan sentiasa terkawal. Selain daripada keberihan, kemudahan prasarana juga merupakan aspek yang penting untuk menarik minat pelancong untuk membeli belah dengan lebih selesa. Sebagai contohnya kemudahan seperti bank, insurans serta pusat membeli belah perlu disediakan di kawasan pelancongan.

Antara usaha lain ialah menambah baik kemudahan seperti tempat tinggal dan pengangkutan. Memperbanyakkan tempat-

tempat penginapan seperti chalet-chalet dan hotel-hotel yang bertaraf lima bintang di Kelantan dengan mengenakan kadar bayaran yang berpatutan. Sebagai contohnya Hotel Seri Malaysia memperkenalkan pakej penginapan yang murah beserta makanan tradisional tempatan telah berjaya meningkatkan jumlah pelancong menginap di hotel tersebut. Justeru, jika ini juga dibuat di Negeri Kelantan, jumlah pelancong asing yang akan kembali untuk melawat Kelantan akan bertambah di samping menggalakkan kedatangan pelancong baru. Seterusnya pula ialah, menambah baik sistem pengangkutan yang sedia ada dan menmbah lebih banyak lagi pengangkutan ke tempat-tempat pelancongan daripada destinasi ke destinasi. Jadual penerbangan juga perlu ditambah dengan lebih kerap ke Kelantan dan mengadakan promosi kadar tambang yang murah.

Tarikan pelancong oleh masyarakat setempat juga menjadi aspek terpenting iaitu apabila masyarakat yang sentiasa ramah mesra dan murah dengan senyuman. Suka membantu pelancong juga perlu dititik beratkan oleh masyarakat apabila pelancong memerlukan bantuan. Keramahan rakyat kita dapat dilihat apabila melayan tetamu yang datang ke rumah, begitulah juga harus ditunjukkan kepada pelancong yang datang ke tempat kita. Begitu juga harus dilakukan oleh pemandu-pemandu pelancong seperti pemandu teksi harus lah bersikap ramah mesra dan menjauhi sikap ingin mengambil kesempatan atas pelancong asing bagi mengaut keuntungan yang mudah. Rakyat perlulah menunjukkan sifat sopan santun, dan lembut bahasa kerana ‘bahasa melambangkan bangsa’. Oleh yang demikian, masyarakat setempat seharusnya mmengubah sikap dengan melayan pelancong tempatan atau asing, supaya kedatangan mereka ke tempat kita menjadi kenangan yang paling manis dalam hidup mereka.

Peniaga juga perlu mengambil peranan dalam menarik minat pelancong untuk datang ke tempat mereka dengan menjual barangan yang bekualiti dan mengenakan harga yang berpatutan. Apabila pelancong berpuas hati dengan barangan yang dibelikan, maka mereka akan lebih tertarik untuk datang kembali di tempat tersebut. Para peniaga juga perlu diingatkan tidak mengenakan caj yang berbeza kepada pelanggan yang berbeza seperti beza harga pelancong tempatan dengan pelancong asing.

Memandangkan persaingan yang sengit diantara industri pelancongan di negeri-negeri lain. Agensi-agensi pelancongan perlu lebih kreatif bagi menerokai bidang pelancongan yang baru. Konsep pelancongan perlu diperluaskan dengan memperkenalkan pelbagai jenis pelancongan seperti ‘ekopelancongan’ pelancongan alam sekitar, pelancongan pendidikan, pelancongan perubatan dan sebagainya. Jika versi baru tidak dicuba di tempat kita, maka kita tidak akan mengetahui potensi yang diperolehi daripada industri pelancongan tersebut. Oleh yang demikian, jika usaha yang dilakukan amat kurang dan terhad, hasrat untuk kita menarik lebih ramai pelancong melawat Kelantan tidak akan menjadi kenyataan. Segala strategi yang diambil perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Semoga segala keprihatinan semua pihak dapat menjadikan negeri Kelantan terkenal dengan sebuah negeri pelancongan dan menjadi sebutan oleh pelancong.

Kesimpulan

Potensi pelancongan islam yang semakin berkembang dari semasa ke semasa perlu diberi perhatian sewajarnya, kerana mendapat permintaan yang sewajarnya. Untuk merealisasikan harapan kerajaan untk menjadikan industri pelancongan sebagai industri yang utama di Malaysia menjelang tahun 2020, pelbagai perkara perlu diperingkatkan. Kesemua pihak perlu berganding bahu dan memberi kerjasama yang sewajarnya. Selain itu, untuk menarik minat pelancong melawat Kelantan harus disemangi dengan usaha-usaha menambah baik dan pemeliharaan. Tahap penyampaian yang tinggi serta penambahbaikan yang berterusan akan meningkatkan tahap kepuasan pelancong yang akhirnya akan menarik mereka untuk kembali melawat negeri ini. Oleh sebab itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing secara bekerjasama dan bukan sahaja mencari peluang untuk kepentingan dan mengaut untung sendiri. Usahawan-usahawan pelancongan yang hanya bertindak mengaut keuntungan maksimum dan jarang sekali terlibat sama dalam usaha pemuliharaan sumber-sumber pelancongan, baik semulajadi mahupun buatan manusia. Aktiviti pelancongan yang aktif akan menarik minat pelancong-pelancong asing yang akhirnya menyokong perkembangan pelancongan yang dinamik dan stabil.

Rujukan

Al-Hamarneh (2012), *Islamic Tourism:A Long Term Strategy of Tourist Industries in the Arab*

World After 9/11? <<http://www.staff.uni-mainz.de/alhamarn/Islamic%20Tourism%20-%20paper%20for%20BRISMES%202004.htm>> dicapai pada September 22, 2012

Badaruddin Mohamed. 1997. *Public Participant Toward Sustainable Tourist*. *Tourisme*

Journal, 8(2): 19-28. Jepun: Japan Institute of Tourisme Research.

Badaruddin Mohamed. 2005. *The Psychographic analysis of Malaysian domestic travelers*.

TEAM journal of Hospitality and Tourism. 1(2): 58-68

Badaruddin Mohamed. 2008. *Pelancongan Lestari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Badaruddin Mohamed. 2010. *Memperkuhkan Asas Pelancongan Domestik Ke Arah*

Kelestarian Pembangunan Pelancongan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Hong, E. 1985. *See the third world whole it lasts: the social and environmental impact of tourism*. Penang: Consumers Association of Penang.

Ishak Yussof, Mustaffa Omar & Gusni Saat. (2007). Impak Pembangunan Langkawi Ke Atas Corak Pekerjaan dan Guna Tenaga di Pulau Dayang Bunting, Langkawi. Dalam *e-Bangi*. p. 16. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Munirah, H. dan. (2012). Membudayakan Pelancongan Islam di Malaysia : Strategi dan Isu Membudayakan Pelancongan Islam di Malaysia : Strategi dan Isu Islamic Tourism Cultivation in Malaysia : Strategies and Issues, (September 2016).

Nor Aini Ali et.al (2005). *Kajian Guna Tenaga Graduan Sarjana Muda Syariah dan*

Usuluddin Akademi Pengajian Islam. Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Nor Hafiza Azmi, 2012. *Impak Pembangunan Pulau langkawi ke atas Corak Pekerjaan Komuniti Pulau*. Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Gong Badak. Universiti Sultan Zainal Abidin.

Nor Hafizah Selamat. (2003). Pembangunan Pulau Langkawi Sebagai Destinasi Pelancongan Global: Satu Kajian Etnografi. Dlm. Lulcman Z. Mohamad et al., *Globalisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Norizan Abdul Ghani et al. (2011). Does Employment In The Tourism Industry Affect The Quality Of Life? A Case Study On Redang And Perhentian Islands, Terengganu, Malaysia. Dlm. *International Journal of Arts and Sciences*, Vol 4(09), p.173-182, CDROM. ISSN: 1944.

Norizan Binti Abdul Ghani (2003). *Kualiti Hidup Penduduk Pulau Negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Kuala Terengganu: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.

Rosniza Aznie CR (2002). *Keupayaan daya tampung fizikal di Pulau Perhentian*. Kertas Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan Dan Perancangan. Universiti Sains Malaysia.

Rosniza Aznie CR (2011). Tingkat dan kepuasan pelancong di Pulau Perhentian. Dlm. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space* 7. Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development (155 - 168).

Rosniza Aznie CR., Usman Y., Suriati G., Abdul Rahim MN., Rosmiza MZ., Novel L., Mohd Fuad MJ. (2012). Pantai perangan Besut, Terengganu sebagai destinasi pilihan pelancong. Dlm. *Malaysia Journal of Society and Space*. 8 Issue 4, pp. 64-74.

Yahaya Ibrahim (2007). Komuniti Pulau dalam Era Pembangunan: Terpinggir atau Meminggir? Dlm. *Akademika*, 70 (Januari). pp. 57-76.

Yahaya Ibrahim. (2008). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yahaya Ibrahim. (2009). *Komuniti, Pembangunan dan Transformasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusof, M. F. M. (2011). Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Penjenamaan Kota Bharu Sebagai Bandar Raya Islam., 1-8.